

# PKM: Malaysia tak ubah pendirian

UM 29 NOV 1985

Oleh Kamal Zailani

**K**UALA LUMPUR 28 Nov. — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** dalam ini menegaskan, Malaysia tidak mengubah pendiriannya mengenai ancaman Parti Komunis Malaya (PKM) sekiranya China masih berterusan menyokong parti tersebut.

"Kita sedar tentang pendirian China terhadap masalah PKM dan China pula mengakui pandangan Malaysia mengenai perkara tersebut, tetapi ini tidak bermakna bahawa Malaysia perlu mengubah pendiriannya berkenaan dengan sokongan China kepada PKM," kata Perdana Menteri.

Dalam sidang akhbar sekembalinya dari China di Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang dekat sini, beliau berkata, perbezaan ideologi antara Malaysia dan China tidak menjadi halangan kepada perhubungan yang lebih erat asalkan China tidak campur tangan dalam masalah dalam negeri Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, tujuan utama lawatan ke China ialah untuk membincangkan soal ekonomi dan tumpuan mengenai soal - soal politik tidak diberi penekanan yang terperinci.

Apa yang penting, tegas beliau, China mengetahui pendirian Malaysia dan Malaysia pula telah menyatakan secara terperinci pendiriannya terhadap beberapa masalah yang berkaitan dengan China.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia juga telah menjelaskan kepada China tentang keadaan negara ini yang penduduknya terdiri dari berbilang kaum.

Kata beliau, walaupun ada masyarakat keturunan Cina di Malaysia, tetapi ini tidak bermakna bahawa mereka mempunyai ikatan istimewa dengan negara China.

"Perdana Menteri China Zhao Tse Yang telah mengiktiraf bahawa penduduk - penduduk Malaysia keturunan Cina bukanlah disifatkan sebagai 'rakyat China di luar negeri' tetapi mereka adalah warganegara dalam negara yang mereka diami itu," katanya.

Perdana Menteri menambah, beliau telah menjelaskan kepada pemimpin - pemimpin China bahawa masyarakat Cina di Malaysia adalah rakyat Malaysia dan mereka tidak lebih atau kurang dengan rakyat lain yang berketurunan Melayu, India dan lain - lain.

Kata Perdana Menteri, pemimpin - pemimpin China juga faham tentang dasar Malaysia yang mahu

menseimbangkan kedudukan ekonomi kaum - kaum negara ini dan keutamaan diberi lebih sedikit kepada kaum bumiputera.

"Mereka akui hakikat ini dan akan memberi semua pertimbangan dalam menjalin hubungan perdagangan dengan Malaysia," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, China juga menyatakan pendirian mereka bahawa negaranya tidak berniat untuk menakluki atau menguasai mana - mana negara, termasuk di rantau Asia Tenggara.

Mereka, ujar beliau, menyokong penuh konsep zon aman, bebas dan berkecuali (Zophon) dan bersetuju dengan segala usaha yang dijalankan oleh negara ini untuk menyelesaikan masalah Kampuchea.

Beliau memberitahu, China telah menyatakan bahawa mereka tidak akan cuba menjadikan Kampuchea sebagai kawasan negara di bawah pengaruh mereka.

Mengenai soal Antartika, China turut sependapat dengan Malaysia dan mereka telah menjadi ahli bersekutu bagi perjanjian Antartika.

Lawatan sembilan hari ke China, kata beliau, boleh disifatkan sebagai berjaya dan kita telah mencapai satu taraf perhubungan yang agak kukuh dan ini akan menjamin hubungan yang lebih erat antara kedua negara di masa akan datang.

Perdana Menteri juga telah menjemput rakan sejawatnya mengunjungi Malaysia untuk kunjungan balas.